

ECRL bagus untuk perpaduan negara, jangan bimbang kos, kata pengurus dana

By **Robin Augustin** - October 13, 2022 10:00 AM



Peta lama jajaran projek ECRL yang akan merentasi Kelantan, Terengganu, Pahang dan Selangor.

PETALING JAYA: Seorang pengurus dana global memuji projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) sebagai sesuatu yang berpotensi menyatukan rakyat di bahagian berasingan dalam Semenanjung.

Pengarah Urusan Capital Dynamics Group Tan Teng Boo, berkata nilai projek ECRL melangkaui wang ringgit dan projek itu mesti dilihat dari sudut perpaduan negara.

Beliau maklum bahawa wilayah Pantai Timur dan tengah Semenanjung berada pada tahap pembangunan berbeza dan mendakwa kedua-duanya "bergerak ke arah berbeza".

"Jadi, bagaimana hendak satupadukan negara? Kesalinghubungan, kebolehcapaian. Justeru, ECRL mesti dilihat dari sudut perpaduan kebangsaan," katanya kepada FMT.

"Jika kita hubungkan negara ini, batasan perbezaan semakin pudar. Lihat negara-negara seperti Korea, Taiwan, Jerman, Perancis dan China. Mereka mempunyai jaringan landasan yang sangat baik, jadi rakyat boleh bergerak antara wilayah dengan mudah."

ECRL sepanjang 665km itu merentasi Kelantan, Terengganu, Pahang dan Selangor, selain menjadi jambatan darat menghubungkan Pelabuhan Kuantan dan Pelabuhan Klang, membolehkan kapal melintasi tanpa melalui Singapura.

Pembinaan ECRL bermula pada Ogos 2017. Projek itu ditangguhkan susulan perubahan kerajaan pada 2018, namun kerja pembinaan kembali bersambung pada 2019.

Tan turut mengkritik pihak yang mempolitikkan projek itu, sambil menyatakan bahawa mereka "terlalu fokus untuk menghentam" seteru politik sehinggakan gagal melihat dari perspektif kepentingan kebangsaan.

Katanya, ada keperluan buat Malaysia untuk mempunyai jaringan kereta api elektrik yang membolehkan rakyat bergerak dari satu wilayah ke wilayah lain dalam tempoh beberapa jam sahaja.